

B B390 AAB  
MAHATHIR - UMAT R R R

(I)

PETALING JAYA, 6 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, MASA DEPAN UMAT ISLAM PADA MASA INI BERGANTUNG KEPADA PENERAPAN IDEA-IDEA BARU YANG BERASASKAN PRINSIP-PRINSIP ISLAM YANG ABADI DAN DISERTAI PULA OLEH PENGAMALANNYA.

KATANYA, UMAT ISLAM TIDAK SEHARUSNYA BERPUAS HATI DENGAN KENYATAAN YANG +SAMAR-SAMAR+ BAHAWA +ISLAM MERUPAKAN CARA HIDUP YANG SEMPURNA+ TANPA USAHA MELAKSANAKAN KESEMPURNAAN ISLAM YANG ABADI ITU DALAM KEHIDUPAN HARIAN.

+JIKA KITA KATA ISLAM UNTUK SEMUA ZAMAN, MAKA KITA HENDAKLAH MENGAMALKANNYA MENGIKUT KEADAAN MASA KITA,+ KATA PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN SEMINAR PENGURUSAN ISLAM DI UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIA) DI SINI.

BELIAU BERKATA, ADALAH BERCANGGAH DENGAN AJARAN ISLAM JIKA UMAT ISLAM DALAM USAHANYA MENGAMALKAN AJARAN ISLAM PADA MASA INI CUBA MEWUJUDKAN SEMULA SUASANA YANG WUJUD PADA ZAMAN NABI.

PERBUATAN ITU BOLEH MERUPAKAN PENGAKUAN SEOLAH-OLAH ISLAM HANYA BAIK BAGI ARAB SAUDI PADA KURUN KETUJUH MASIHI ATAU KURUN PERTAMA HIJRAH SAHAJA, BERTENTANGAN DENGAN HAKIKAT BAHAWA ISLAM UNTUK SEPANJANG ZAMAN, TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1755MST 06 04 87

D722

B B392 AAB  
MAHATHIR - UMAT 2 PETALING JAYA R R R

(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ZAMAN KEEMASAN ISLAM DICAPAI KERANA PENTAFSIR AL-QURAN DAN SUNNAH KETIKA ITU MENAFSIRKANNYA MENGIKUT KONTEKS KEADAAN PADA MASA ITU.

KATANYA, ZAMAN ITU BERAKHIR APABILA PERUBAHAN KEADAAN TIDAK DIAMBIL KIRA SEMASA MEMBUAT PENTAFSIRAN DAN MENGGUBAL HUKUM-HUKUM FIKAH.

+JIKA SELEPAS 800 TAHUN UMAT ISLAM DI SEPANYOL AKHIRNYA TEWAS KEPADA KRISTIAN, IA DISEBABKAN UMAT ISLAM DAN GOLONGAN PENTADBIR DAN PENGURUS MEREKA GAGAL MENGENALPASTI KEADAAN YANG BERUBAH DAN CUBA MENYELESAIKAN MASALAH PADA KURUN KE-15 DENGAN KAEDAH YANG DIGUNAKAN PADA KURUN KETUJUH,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA, KEJATUHAN UMAT ISLAM JUGA DISEBABKAN OLEH KEMEWAHAN DAN KUASA SEHINGGA MEREKA LUPA KEPADA QURAN DAN KHAYAL DALAM KESENYAMANAN.

+KOMBINASI KAEDAH-KAEDAH DAN PENDEKATAN YANG LAPUK SERTA KEMEROSOTAN NILAI-NILAI MORAL ISLAM, TERUTAMA DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN, AKHIRNYA MENAKIBATKAN KEJATUHAN NEGARA-NEGARA UMAT ISLAM,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1801MST 06 04 87

B B402 AAB  
MAHATHIR - UMAT 3 PETALING JAYA  
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TERDAPAT BEBERAPA AYAT MENGENAI KEIMANAN DALAM ISLAM YANG MESTI DITERIMA OLEH SELURUH UMAT ISLAM TANPA SOAL.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, DALAM MENGENDALIKAN KEHIDUPAN HARIAN, HUKUM-HUKUM ISLAM SENTIASA BERASASKAN SEBAB-MUSABAB YANG SEDIA DITERIMA OLEH MANUSIA YANG MEMPUYAI AKAL FIKIRAN, SAMA ADA UMAT ISLAM ATAU SEBALIKNYA.

+TERPULANGLAH KEPADA KITA UNTUK MELIHAT SEBAB-MUSABAB INI SEBAGAI PANDUAN KEHIDUPAN HARIAN KITA DARIPADA MENJADIKAN HUKUM-HUKUM ITU SEBAGAI SESUATU YANG TETAP DALAM ISLAM.+

MENGENAI SISTEM PENGURUSAN MODEN, BELIAU BERKATA, CABARAN UNTUK MEMAJUKAN SISTEM SEUMPAMA ITU SEJAJAR DENGAN ISLAM DAN MAMPU BERSAING DENGAN SISTEM BARAT SEKARANG YANG TIDAK MENENTU.

+SISTEM PENGURUSAN ISLAM PADA KURUN KE-15 HIJRAH MESTILAH MERUPAKAN UJIAN BARU DAN MODEN KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT ISLAM DAN MENAFSIRKAN NILAI-NILAI DAN PRINSIP-PRINSIPNYA DALAM KONTEKS KEHIDUPAN SEKARANG,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1821MST 06 04 87

B B411 AAB  
MAHATHIR - UMAT 4 PETALING JAYA R R R  
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KEJUJURAN MESTILAH MENJADI CIRI TERPENTING DALAM SISTEM PENGURUSAN ISLAM, IAITU SIKAP YANG DIMILIKI OLEH NABI.

BELIAU BERHARAP SEMINAR PENGURUSAN ISLAM DAPAT MENIMBULKAN KESEDARAN KE ARAH PERLAKSANAAN KOD DAN KAEDAH ISLAM PADA KURUN KE-15 HIJRAH.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA PENCAPAIAN SEMINAR ITU AKAN MENGHASILKAN +IJTIHAD+, BELIAU MENGGESA PARA PESERTA MENELITI PENTAFSIRAN AL-QURAN DAN HADIS BERHUBUNG DENGAN MASALAH PENGURUSAN YANG DIHADAPI MASYARAKAT ISLAM SEKARANG.

+JIKA KITA GAGAL MEMPERTIMBANGKAN PERKARA ITU, KITA AKAN GAGAL MENJAMIN BAHAWA ISLAM MERUPAKAN AGAMA UNTUK SEMUA ZAMAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

MENTERI PELAJARAN ENCIK ANWAR IBRAHIM, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR YUSOF NOOR DAN WAKIL BANK PEMBANGUNAN ISLAM PROF DR KORKUT OZAL HADIR PADA MAJLIS ITU. -- BERNAMA.

1842MST 06 04 87